



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI



Isnin, Mac 21, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

● ● | A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

UPM dinobatkan pemenang Anugerah Bernd Rode 2016 ASEA-Europe University Academic Ne



BALI, 2 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Bernd Rode 2016 sempena Mesyuarat Plenari ASEA-UNINET ke 15 di Universiti Udayana, Bali, Indonesia baru-baru ini dengan membawa pulang sijil anugerah dan wang tunai €5000.

Projek oleh Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Prof. Dato' Dr. Abdul Jalil bertajuk "ASEA-UNINET supports International Cooperation for Knowledge Transfer Programs in Subspecialty Nuclear Medicine and Clinical Neurology" dipilih sebagai projek terbaik dari 11 projek yang dipertandingkan.

"Kemenangan ini ialah hasil berimpak tinggi dalam bidang perubatan khususnya Pengimejan Molekul menggunakan kaedah PETCT serta perkongsian sub kepekaran dalam bidang kritikal di Malaysia (Neurologi Kritikal).

"Projek ini telah melalui proses saringan peringkat jawatankuasa pemilih yang diadakan oleh Presiden, Naib Presiden ASEA UNINET dan Universiti Asia. Kriteria utama yang diberi tumpuan adalah aktiviti penyelidikan dan akademik berimpak tinggi yang dijalankan dalam bidang niche jaringan ASEA-UNINET selepas tahun 2011," katanya.

ASEA-Europe University Academic Network merupakan jaringan pengantarabangsaan yang melibatkan lebih 70 universiti dari 19 negara Eropah dan Asia Tenggara, beribu pejabat di Vienna, Austria. Keanggotaan dalam jaringan ini adalah melalui jemputan, nominasi dan undian.

UPM merupakan perintis Universiti Awam (UA) Malaysia dalam jaringan kerjasama ini semenjak tahun 2008. Selain daripada UPM, UA lain yang turut menjadi ahli adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknikal Melaka dan Universiti Utara Malaysia.

Sementara itu Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris mengulas bahawa dengan anugerah ini, usaha UPM menerapkan hala tuju Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dalam meningkatkan nilai akademia dalam bidang perubatan berhasil mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sekali gus memberi impak positif keberhasilan projek Rancangan Malaysia 9 dan 10 iaitu pembelian peralatan Diagnostik PETCT.

"Hasil projek ini telah memanfaatkan rakyat melalui perkhidmatan kesihatan setaraf dengan negara maju dunia secara pemindahan ilmu dan teknologi. Malah kepekaran yang dimiliki UPM berpotensi dijadikan platform untuk mengharumkan nama Malaysia melalui Hospital UPM yang bakal siap pada tahun 2018.

"Melalui kerjasama antarabangsa ini, UPM bakal diiktiraf dalam bidang niche serta bersedia menyediakan kemudahan berprestij dan berpotensi menarik minat pelajar antarabangsa dalam program akademik bidang Sains Perubatan dan Perubatan Klinikal," kata Naib Canselor UPM.

Antara universiti tersohor dari Asia Tenggara yang menjadi ahli adalah Universiti Mahidol, Universiti Chulalongkorn, Universiti Kasertart dan Universiti Chiangmai dari Thailand. Universiti dari Indonesia seperti Universiti Gadjahmada, Universiti Udayana, Universiti Indonesia, Universiti Diponegoro dan Universiti Airlangga.

Vietnam National University, Universiti Hanoi, University Medicine and Pharmacy Hanoi dari Vietnam dan University Phillipines adalah sebahagian daripada anggota dalam jaringan ASEA-Uninet.

Universiti Eropah yang menjadi ahli termasuk Medical University Innsbruck, Medical University Vienna, Medical University Graz dari Austria, University Trento, University Brescia, dari Italy, Universiti Murcia dari Sepanyol, University Groningen dari The Netherland, dan beberapa universiti lain dari negara Poland, Germany, Russia, Portugal, termasuk Universiti Sharif, Republik Taheran juga memainkan peranan penting dalam proses menyemarakkan aktiviti perkongsian ilmu dan teknologi dalam 4 bidang utama yang telah dikenal pasti termasuk bidang perubatan.

